

SOALAN NO : 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perancangan projek lampu jalan, penukaran paip retikulasi air lama, jalan perhubungan desa, loji rawatan dan tangki simpanan air di daerah Sik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melaksanakan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Fasa 10 di Semenanjung Malaysia bermula 27 Disember 2019 bagi tempoh 22 bulan, sehingga 17 November 2021.

Pemasangan LJK di Parlimen Sik dalam projek Fasa 10 ini adalah sebanyak 722 unit, dengan pecahan 203 unit lampu dari jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 519 unit lampu jenis *light emitting diode* (LED), melibatkan peruntukan sebanyak RM1.55 juta. Kesemua LJK ini telah siap pemasangan sepenuhnya pada Oktober 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan kerajaan Negeri terutamanya pihak berkuasa air negeri dalam usaha untuk meningkatkan liputan bekalan air kepada penduduk luar bandar.

Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi **fokus utama kepada peluasan liputan bekalan air** kepada penduduk kampung di luar bandar yang belum menerima bekalan atau akaun baharu. Penukaran paip air lama atau naik taraf tangki serta rumah pam bagi pengguna sedia ada adalah tidak tertakluk secara khusus di bawah program BALB tetapi boleh dimohon melalui Kerajaan Negeri atau Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Bagi daerah Sik, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan **Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Jeniang Baru, Sik, Kedah** melalui peruntukan Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) tahun 2021 dengan kos keseluruhan berjumlah RM84 juta. Projek ini adalah dalam peringkat reka bentuk oleh perunding

SOALAN NO : 38

dan dijangka memberi manfaat bekalan air bersih dan terawat kepada lebih **659 buah rumah akaun baharu di Parlimen Sik dan Gurun**. Projek ini turut melibatkan naik taraf / bina baharu tangki simpanan, tangki sedutan dan rumah pam berdasarkan keperluan serta skop yang telah diluluskan.

Projek **BALB Sistem Retikulasi Negeri Kedah tahun 2019** dengan kos keseluruhan RM9.5 juta telah siap reka bentuk akhir dan dijangka dimulakan pada awal tahun 2022 melibatkan **enam (6) buah kampung di Parlimen Sik** iaitu Kg. Tanah Lot Sg Pau, Kg. Tupai Dalam, Kg. Bendang Man Lorong Felcra, Kg Batu 50 Telaga Batu, Kg. Tanah Hitam dan Kg. Kuala Beris.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejumlah **RM425 ribu** telah diperuntukkan bagi tujuan pelaksanaan **sembilan (9)** projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) di Daerah Sik bagi tahun 2021. Setakat 30 September 2021, **dua (2)** projek telah siap dan **tujuh (7)** lagi sedang di peringkat pelaksanaan.

Sekiranya terdapat keperluan, Yang Berhormat boleh mengemukakan senarai JPD di Daerah Sik kepada pihak Kementerian bagi tujuan siasatan untuk menentukan skop dan anggaran kos. Sekiranya didapati menepati skop projek JPD, permohonan tersebut akan diberi pertimbangan untuk pelaksanaan pada tahun 2022 tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR (JOHOR BAHRU)**

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR (JOHOR BAHRU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebarang perancangan untuk mengkaji semula definisi ‘rumah mampu milik’ ekoran kemerosotan purata pendapatan isi rumah di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memastikan semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan peringkat umur mampu untuk memiliki rumah yang berdaya huni, kondusif dan berkualiti. Kementerian juga sangat prihatin terhadap golongan B40 dan M40 yang berhadapan dengan kesukaran mendapatkan pembiayaan perumahan.

Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menyemak semula definisi Rumah Mampu Milik (RMM). Definisi RMM yang telah ditetapkan melalui Mesyuarat Majlis Perumahan Negara 2015 adalah rumah yang berharga RM300,000 dan ke bawah. Walau bagaimanapun, harga RMM adalah berbeza mengikut lokaliti berdasarkan pendapatan penengah kawasan tersebut.

SOALAN NO : 39

Oleh itu, merujuk kepada Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM), kemampuan memiliki rumah diukur berdasarkan standard pengukuran antarabangsa yang turut diguna pakai oleh World Bank dan Bank Negara Malaysia iaitu gandaan median (median multiple). Formula pengiraan gandaan median bagi kemampuan memiliki rumah tersebut adalah gaji penengah \times 12 bulan \times 3. Namun, kemampuan pemilikan rumah di Malaysia adalah sekitar 4.0 dan 5.0 dari tahun 2002 hingga 2019, iaitu melebihi paras ambang 3.0. Berdasarkan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2019, harga rumah yang dianggap mampu milik maksimum di Malaysia adalah dianggarkan pada RM211,428 (gandaan median 3.0) kerana pendapatan isi rumah median negara ialah RM5,873. Harga rumah median sebenar pula ialah RM289,646, yang mana nilai ini melebihi kemampuan pendapatan purata isi rumah di Malaysia.

Selaras dengan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan aksesibiliti perumahan oleh rakyat, Kementerian bercadang untuk mewujudkan Panel Pemikir (Panel of Experts, POE) bagi membantu dan memberi nasihat kepada Kementerian dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik. Selain itu, POE juga dapat membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. Buat permulaan, POE ini akan membincangkan mengenai kaedah pembiayaan perumahan terutamanya bagi golongan muda.

Agenda pemilikan rumah di Malaysia sentiasa memberi tumpuan kepada akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki sejajar dengan konsep Malaysia Berdaya Huni (Liveable Malaysia). KPKT juga komited untuk memastikan bekalan RMM yang mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat.

Sekian, terima kasih.